



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXIII]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 29 NOVEMBER 2018

[No. 49

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

DATUK SERI PANGLIMA HASHIM BIN PAIJAN,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 351

[No. DUNS: (S) 600-8/1 (72)

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG KELIMA BELAS
PENGAL PERTAMA
PERISYTIHARAN

BAHAWASANYA Fasal (1) Artikel 21 Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua Negeri Sabah boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bersidang.

DAN BAHAWASANYA di bawah Peraturan Tetap 6 Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Sabah Notis Pemberitahu hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari genap sebelum hari bersidang.

OLEH HAL YANG DEMIKIAN, maka saya, TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN, Seri Maharaja Mangku Negara, Seri Panglima Darjah Kinabalu, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu, Panglima Jasa Negara, Ahli Setia Darjah Kinabalu, Jaksa Pendamai, Hon. Ph.D (UoW) United Kingdom, Yang di-Pertua Negeri Sabah adalah dengan ini memanggil Dewan Undangan Negeri Sabah supaya bersidang dan MENETAPKAN 13 DISEMBER 2018 pada pukul sepuluh pagi sebagai tarikh dan masa bagi mengadakan PERSIDANGAN KHAS KEDUA dalam Penggal PERTAMA Dewan Undangan Negeri Sabah Yang KELIMA BELAS bertempat di Dewan Mesyuarat, Aras 4, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah.

PERISYTIHARAN - (*samb.*)

DIKELUARKAN dengan tandatangan saya dan Mohor Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini 15 haribulan November 2018.

TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN,
Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

No. 352

[No. SPANS: 600-1/032315/170

PELANTIKAN MEMANGKU

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Mohd Jumat bin Abd Rajak memangku jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam, Gred S44 untuk tempoh mulai 1 Februari 2018 hingga 31 Januari 2019 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

[No. SPANS: 600-1/033600/168

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Helda @ Ernessia binti Sinusun untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J41 untuk tempoh mulai 7 Mei 2018 hingga 6 Mei 2019 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

[No. SPANS: 600-1/030006/44

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Roslan bin Lalete untuk memangku jawatan Pemelihara Hutan, Gred G48 untuk tempoh mulai 26 Julai 2018 hingga 2 Julai 2019 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

[No. SPANS: 600-1/015737/34]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Awang @ Alianang bin Walit untuk memangku jawatan Pegawai Pertanian, Gred G41 untuk tempoh mulai 1 Ogos 2018 hingga 31 Julai 2019 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

[No. SPANS: 600-1/017783/245]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Ahmad bin Kandung untuk memangku jawatan Pegawai Pertanian, Gred G41 untuk tempoh mulai 13 Ogos 2018 hingga 12 Ogos 2019 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

[No. SPANS: 600-1/015172/89]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Maria binti Sinti untuk memangku jawatan Pustakawan, Gred S52 untuk tempoh mulai 1 November 2018 hingga 31 Oktober 2019 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

No. 353

[No. JKM. PHB. 600-2/1/571/(20)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH**Bab 69****PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 3**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 3(1) Bab 69 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa pada pendapatnya tanah-tanah yang dinyatakan dalam Jadual bersamaan dengan ini hendaklah diambil bagi maksud awam, iaitu, untuk Menaik Taraf Jalan Kampung Bokara, Sandakan.

No. Pelan 907400021/1 hingga 4 yang menunjukkan kawasan yang hendak diambil boleh diperiksa di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu, atau di pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Sandakan, pada waktu biasa pejabat.

JADUAL

<i>Bil.</i>	<i>Pemilik</i>	<i>No. Hakmilik</i>	<i>Luas Kawasan Hakmilik (Hektar)</i>	<i>Tempat</i>	<i>Luas Kawasan Yang Hendak Diambil (Hektar)</i>
1.	Karamunting Development Sdn. Bhd.	TL. 077540482	0.529	Jalan Bokara, Sandakan	0.117
2.	Omar bin Mai @ Kumang	NT. 073007066	0.037	„	0.016
3.	Zainuddin bin Mohamad	NT. 073005580	0.037	„	0.016
4.	Puyun bin Adam	NT. 073005786	0.051	„	0.023
5.	Siti Noraini binti Hussin	NT. 073006194	0.037	„	0.015
6.	Jainah Muji bin Muhamad	NT. 073006970	0.051	„	0.015
7.	Areumi bin Ali	NT. 073006550	0.076	„	0.013
8.	Eki binti Binkui	NT. 073005535	0.088	„	0.029
9.	Hiyah bin Haji Ablasain Abdul Sani bin Hj Abu Bakar	NT. 073005526	0.037	„	0.012
10.	Fatimah binti Abu Bakar Indra Bangsawan bin Ibrahim	NT. 073005599	0.037	„	0.013
11.	Sharif Abdul Majid bin Sharif Abdullah Abdul Muis bin Mohd Isah Benasani binti Mulung @ Bebasani Caling binti Madish @ Caling binti Mohd Isah	NT. 073005517	0.037	„	0.016
12.	Eyam binti Dalmasli @ Jalmasaleh Kitok binti Mulung @ Kitok binti Mulung Mulia binti Paih @ Jalmasaleh Otai bin Kanong Yatim binti Karong	NT. 073005928	0.025	„	0.019

JADUAL - (samb.)

<i>Bil.</i>	<i>Pemilik</i>	<i>No. Hakmilik</i>	<i>Luas Kawasan Hakmilik (Hektar)</i>	<i>Tempat</i>	<i>Luas Kawasan Yang Hendak Diambil (Hektar)</i>
13.	Awang bin Selamat @ Abdullah Selamat Norsuhaila binti Kalibar	NT. 073007057	0.025	Jalan Bokara, Sandakan	0.016
14.	Norzehan binti Kalibar Norkamain bin Kalibar Sopian bin Kalibar Keling bin Edalah Odin bin Edalah	NT. 073007388	0.025	„	0.018
15.	Rubinsin bin Edalah	NT. 073007146	0.025	„	0.013
16.	Amir Ali bin Indoh	NT. 073007128	0.076	„	0.028
17.	Prosper Entity Sdn. Bhd.	CL. 075381789	0.920	„	0.017
18.	Lucky Castle Sdn. Bhd.	CL. 075202416	0.241	„	0.004
19.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	CL. 075466607	3.658	„	0.031

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 12 November 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/1/571/(20)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DECLARATION UNDER SECTION 3

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 3(1) of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby declares that he considers that any land set out in the Schedule hereto should be acquired for a public purpose, that is to say, for the Upgrading of Bokara Village Road, Sandakan.

Plans No. 907400021/1 to 4 showing the area to be acquired may be inspected at the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu, or the office of the Assistant Collector of Land Revenue, Sandakan, during normal office hours.

SCHEDULE

<i>No.</i>	<i>Owner(s)</i>	<i>Title No.</i>	<i>Area on Title in Hectare(s)</i>	<i>Locality</i>	<i>Area to be Acquired in Hectare(s)</i>
1.	Karamunting Development Sdn. Bhd.	TL. 077540482	0.529	Jalan Bokara, Sandakan	0.117
2.	Omar bin Mai @ Kumang	NT. 073007066	0.037	„	0.016
3.	Zainuddin bin Mohamad	NT. 073005580	0.037	„	0.016
4.	Puyun bin Adam	NT. 073005786	0.051	„	0.023
5.	Siti Noraini binti Hussin	NT. 073006194	0.037	„	0.015
6.	Jainah Muji bin Muhamad	NT. 073006970	0.051	„	0.015
7.	Areumi bin Ali	NT. 073006550	0.076	„	0.013
8.	Eki binti Binkui	NT. 073005535	0.088	„	0.029
9.	Hiyah bin Haji Ablasain Abdul Sani bin Hj Abu Bakar	NT. 073005526	0.037	„	0.012
10.	Fatimah binti Abu Bakar Indra Bangsawan bin Ibrahim	NT. 073005599	0.037	„	0.013

SCHEDULE - (cont.)

No.	Owner(s)	Title No.	Area on Title in Hectare(s)	Locality	Area to be Acquired in Hectare(s)
11.	Sharif Abdul Majid bin Sharif Abdullah Abdul Muis bin Mohd Isah Benasani binti Mulung @ Bebasani Caling binti Madish @ Caling binti Mohd Isah	NT. 073005517	0.037	Jalan Bokara, Sandakan	0.016
12.	Eyam binti Dalmasli @ Jalmasaleh Kitok binti Mulung @ Kitok binti Mulung Mulia binti Paih @ Jalmasaleh Otai bin Kanong Yatim binti Karong	NT. 073005928	0.025	„	0.019
13.	Awang bin Selamat @ Abdullah Selamat Norsuhaila binti Kalibar	NT. 073007057	0.025	„	0.016
14.	Norzehan binti Kalibar Norkarnain bin Kalibar Sopian bin Kalibar Keling bin Edalah Odin bin Edalah	NT. 073007388	0.025	„	0.018
15.	Rubinsin bin Edalah	NT. 073007146	0.025	„	0.013
16.	Amir Ali bin Indoh	NT. 073007128	0.076	„	0.028
17.	Prosper Entity Sdn. Bhd.	CL. 075381789	0.920	„	0.017
18.	Lucky Castle Sdn. Bhd.	CL. 075202416	0.241	„	0.004
19.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar	CL. 075466607	3.658	„	0.031

LAND ACQUISITION ORDINANCE - (*cont.*)

Dated at Kota Kinabalu, this 12th day of November, 2018.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah.

No. 354

[No. JKM. PHB. 600-2/1/572/(12)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 3

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 3(1) Bab 69 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa pada pendapatnya tanah yang dinyatakan dalam Jadual bersamaan dengan ini hendaklah diambil bagi maksud awam, iaitu, untuk Projek Jalan ke Mesej Sapang, Kunak.

No. Pelan 924300006/1-3 yang menunjukkan kawasan yang hendak diambil boleh diperiksa di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu, atau di pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kunak, pada waktu biasa pejabat.

JADUAL

<i>Bil.</i>	<i>Pemilik</i>	<i>No. Hakmilik</i>	<i>Luas Kawasan Hakmilik (Hektar)</i>	<i>Tempat</i>	<i>Luas Kawasan Yang Hendak Diambil (Hektar)</i>
1.	Sime Darby Plantation (Sabah) Sdn. Bhd.	CL. 245364756	171.40	Kunak	1.043
2.	Dukawan Sdn. Bhd.	CL. 245306352	6.880	„	1.774
3.	Mohammad Sufri bin Hassan Fathamah bt Awang Besar	NT. 243003849	5.787	„	0.007
4.	Dukawan Sdn. Bhd.	CL. 245355051	5.926	„	0.994

JADUAL - (*samb.*)

<i>Bil.</i>	<i>Pemilik</i>	<i>No. Hakmilik</i>	<i>Luas Kawasan Hakmilik (Hektar)</i>	<i>Tempat</i>	<i>Luas Kawasan Yang Hendak Diambil (Hektar)</i>
5.	Pang Kui Loi	NT. 243007212	5.946	Kunak	0.008

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 13 November 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/1/572/(12)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DECLARATION UNDER SECTION 3

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 3(1) of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby declares that he considers that any land set out in the Schedule hereto should be acquired for a public purpose, that is to say, for the Mesej Sapang Road Project, Kunak.

Plans No. 924300006/1-3 showing the area to be acquired may be inspected at the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu, or the office of the Assistant Collector of Land Revenue, Kunak, during normal office hours.

SCHEDULE

<i>No.</i>	<i>Owner(s)</i>	<i>Title No.</i>	<i>Area on Title in Hectare(s)</i>	<i>Locality</i>	<i>Area to be Acquired in Hectare(s)</i>
1.	Sime Darby Plantation (Sabah) Sdn. Bhd.	CL. 245364756	171.40	Kunak	1.043
2.	Dukawan Sdn. Bhd.	CL. 245306352	6.880	„	1.774

LAND ACQUISITION ORDINANCE - (*cont.*)SCHEDULE - (*cont.*)

<i>No.</i>	<i>Owner(s)</i>	<i>Title No.</i>	<i>Area on Title in Hectare(s)</i>	<i>Locality</i>	<i>Area to be Acquired in Hectare(s)</i>
3.	Mohammad Sufri bin Hassan Fathamah bt Awang Besar	NT. 243003849	5.787	Kunak	0.007
4.	Dukawan Sdn. Bhd.	CL. 245355051	5.926	„	0.994
5.	Pang Kui Loi	NT. 243007212	5.946	„	0.008

Dated at Kota Kinabalu, this 13th day of November, 2018.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah.

No. 355

[No. JKM. PHB. 600-2/204/(12)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 3

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 3(1)
Bab 69 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengisytiharkan
bahawa pada pendapatnya tanah yang dinyatakan dalam Jadual bersamaan dengan
ini hendaklah diambil bagi maksud awam, iaitu, untuk Projek Jalan Raya Kg. Laya-Laya,
Tuaran.

No. Pelan 904300011 yang menunjukkan kawasan yang hendak diambil boleh diperiksa
di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu, atau di pejabat Penolong Pemungut
Hasil Tanah, Tuaran, pada waktu biasa pejabat.

JADUAL

<i>Bil.</i>	<i>Pemilik</i>	<i>No. Hakmilik</i>	<i>Luas Kawasan Hakmilik (Hektar)</i>	<i>Tempat</i>	<i>Luas Kawasan Yang Hendak Diambil (Hektar)</i>
1.	Palm 3 Resorts & Residences Sdn. Bhd.	CL. 045316167	1.428	Tuaran	0.079
2.	Hing Chi Chiang @ Hing Yee Chang	NT. 043226866	0.911	„	0.083

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 13 November 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/204/(12)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DECLARATION UNDER SECTION 3

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 3(1) of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby declares that he considers that any land set out in the Schedule hereto should be acquired for a public purpose, that is to say, for the Road Project at Kg. Laya-Laya, Tuaran.

Plans No. 904300011 showing the area to be acquired may be inspected at the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu, or the office of the Assistant Collector of Land Revenue, Tuaran, during normal office hours.

SCHEDULE

<i>No.</i>	<i>Owner(s)</i>	<i>Title No.</i>	<i>Area on Title in Hectare(s)</i>	<i>Locality</i>	<i>Area to be Acquired in Hectare(s)</i>
1.	Palm 3 Resorts & Residences Sdn. Bhd.	CL. 045316167	1.428	Tuaran	0.079
2.	Hing Chi Chiang @ Hing Yee Chang	NT. 043226866	0.911	„	0.083

LAND ACQUISITION ORDINANCE - (*cont.*)

Dated at Kota Kinabalu, this 13th day of November, 2018.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah.

No. 356

[No. JKM. PHB. 600-2/3/220/(11)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

NOTIS PENINGGALAN PENGAMBILAN TANAH
DI BAWAH SEKSYEN 10

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 10(1)
Bab 69 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengisytiharkan
bahawa pengambilan tanah yang dicadangkan bagi tanah yang dinyatakan dalam
Jadual berikut adalah ditinggalkan.

JADUAL

Bil. No. Hakmilik

Anggaran Luas Kawasan Yang Hendak Diambil

1. NT. 013046609

0.150

2. Cadangan pengambilan tanah ke atas hakmilik yang tersebut di atas yang telah diwartakan dalam Pemberitahuan *Warta* No. 308 tahun 1982 dan 342 tahun 1982 adalah dengan ini dibatalkan.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 13 November 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/3/220/(11)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

NOTICE OF ABANDONMENT OF ACQUISITION
UNDER SECTION 10

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 10(1) of the Land
Cap. 69 Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby declares that
the intended acquisition of the land set out in the following Schedule is
abandoned:-

SCHEDULE

<i>No.</i>	<i>Title No.</i>	<i>Approximate Area to be Acquired in Hectare (s)</i>
1.	NT. 013046609	0.150
2.	The intended acquisition on the above title published in <i>Gazette</i> Notification No. 308 of 1982 and <i>Gazette</i> Notification No. 342 of 1982 are hereby revoked.	

Dated at Kota Kinabalu, this 13th day of November, 2018.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah.

No. 357

[No. JKM.PHB. 600-4/1/435/(16)]

ORDINAN TANAH

Bab 68

PENGISYTIHARAN RIZAB ANAK NEGERI UNTUK
TAPAK PERKUBURAN ANAK NEGERI (KADAZAN) KAMPUNG GOROWOT
DAERAH KUALA PENYU
DI BAWAH SEKSYEN 78

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 78(1), (2) dan (3) Bab 68 Ordinan Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah mengisytiharkan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual bersamaan dengan ini sebagai Rizab Anak Negeri yang dikenali sebagai Tapak Perkuburan Anak Negeri (Kadazan) Kampung Gorowot, Kuala Penyu (kemudian daripada ini disebut sebagai "Rizab Anak Negeri") untuk kegunaan sepenuhnya oleh Anak Negeri (Kadazan) Kampung Gorowot, Kuala Penyu tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (1) Tiada seorang pun Anak Negeri yang bukan pada lazimnya bermastautin di Kampung Gorowot boleh mengebumikan jenazah di dalam Rizab Anak Negeri tersebut melainkan mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu untuk berbuat demikian daripada Pemegang Amanah;
- (2) Ketua Daerah Kuala Penyu, Ketua Kampung Gorowot dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Gorowot adalah dengan ini dilantik sebagai Pemegang Amanah Rizab Anak Negeri itu tertakluk kepada arahan Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kuala Penyu;
- (3) Pemegang Amanah hendaklah memagar atau menyebabkan supaya dipagar sempadan Rizab Anak Negeri dan kemudian memelihara pagar tersebut dengan cara yang memuaskan hati Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kuala Penyu;
- (4) Pemegang Amanah hendaklah memastikan bahawa jarak antara kubur dengan tebing sungai adalah sekurang-kurangnya 30 kaki bagi tanah berbatu dan sekurang-kurangnya 100 kaki bagi tanah pasir atau tanah lembut; dan
- (5) Seseorang yang terkilan dengan apa-apa tindakan atau apa-apa peninggalan oleh Pemegang Amanah atau Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kuala Penyu atau keduanya, boleh memohon kajian semula baginya kepada Setiausaha Hasil Bumi yang keputusannya adalah muktamad.

JADUAL

<i>Tempat</i>	<i>Daerah</i>	<i>Perihal No. Lot Ukur</i>	<i>No. Pelan</i>	<i>Luas Kawasan Lebih Kurang</i>
Kampung Gorowot	Kuala Penyu	18200109	918200011	0.210 hektar (0.52 ekar)

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 13 November 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM.PHB. 600-4/1/435/(16)]

LAND ORDINANCE

Cap. 68

DECLARATION OF NATIVE RESERVE
FOR NATIVE (KADAZAN) BURIAL GROUND OF KAMPUNG GOROWOT
DISTRICT OF KUALA PENYU
UNDER SECTION 78

In exercise of the powers conferred upon him by subsections 78(1), (2) and (3) of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has declared the State Land described in the Schedule hereto to be a Native Reserve to be known as Native (Kadazan) Burial Ground of Kampung Gorowot, Kuala Penyu (hereinafter referred to as 'The Native Reserve') for the sole use of the Native (Kadazan) of Kampung Gorowot, Kuala Penyu subject to the following terms:

- (1) No Native who is not habitually resident in Kampung Gorowot shall bury any corpse within the Native Reserve unless he shall have previously obtained permission in writing to do so from the Trustees;
- (2) The District Chief of Kuala Penyu, The Village Head of Kampung Gorowot and Kampung Gorowot Security and Development Committee's Chairman are hereby appointed as Trustees for the Native Reserve subject to the directions of the Assistant Collector of Land Revenue, Kuala Penyu;
- (3) The Trustees shall fence or cause to be fenced the boundaries of the Native Reserve and thereafter maintain such fence to the satisfaction of the Assistant Collector of Land Revenue, Kuala Penyu;
- (4) The Trustees shall determine that the distance between the graves and the river bank must not be less than 30 feet apart for rocky land and must not be less than 100 feet apart for sandy or soft land; and

LAND ORDINANCE - (*cont.*)

- (5) Any person aggrieved by any act or omission by the Trustees or the Assistant Collector of Land Revenue, Kuala Penyu or to both, may apply for a review thereof to the Secretary of Natural Resources whose decision shall be final.

SCHEDULE

<i>Locality</i>	<i>District</i>	<i>Description Survey Lot No.</i>	<i>Plan No.</i>	<i>Approximate Area</i>
Kampung Gorowot	Kuala Penyu	18200109	918200011	0.210 hectare (0.52 acre)

Dated at Kota Kinabalu, this 13th day of November, 2018.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah

No. 358

[No. JKM.PHB. 600-4/1/439/(16)]

ORDINAN TANAH

Bab 68

PENGISYTIHARAN RIZAB ANAK NEGERI UNTUK
TAPAK PERKUBURAN ANAK NEGERI KAMPUNG KIAMBOR
DAERAH KUALA PENYU
DI BAWAH SEKSYEN 78

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 78(1), (2) dan (3)
Bab 68 Ordinan Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah mengisytiharkan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual bersamaan dengan ini sebagai Rizab Anak Negeri yang dikenali sebagai Tapak Perkuburan Anak Negeri Kampung Kiambor, Kuala Penyu (kemudian daripada ini disebut sebagai "Rizab Anak Negeri") untuk kegunaan sepenuhnya oleh Anak Negeri Kampung Kiambor, Kuala Penyu tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (1) Tiada seorang pun Anak Negeri yang bukan pada lazimnya bermastautin di Kampung Kiambor boleh mengebumikan jenazah di dalam Rizab Anak Negeri tersebut melainkan mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu untuk berbuat demikian daripada Pemegang Amanah;
- (2) Ketua Daerah Kuala Penyu, Ketua Kampung Kiambor dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Kiambor adalah dengan ini dilantik sebagai Pemegang Amanah Rizab Anak Negeri itu tertakluk kepada arahan Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kuala Penyu;
- (3) Pemegang Amanah hendaklah memagar atau menyebabkan supaya dipagar sempadan Rizab Anak Negeri dan kemudian memelihara pagar tersebut dengan cara yang memuaskan hati Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kuala Penyu;
- (4) Pemegang Amanah hendaklah memastikan bahawa jarak antara kubur dengan tebing sungai adalah sekurang-kurangnya 30 kaki bagi tanah berbatu dan sekurang-kurangnya 100 kaki bagi tanah pasir atau tanah lembut; dan
- (5) Seseorang yang terkilan dengan apa-apa tindakan atau apa-apa peninggalan oleh Pemegang Amanah atau Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kuala Penyu atau keduanya, boleh memohon kajian semula baginya kepada Setiausaha Hasil Bumi yang keputusannya adalah muktamad.

JADUAL

<i>Tempat</i>	<i>Daerah</i>	<i>Perihal No. Lot Ukur</i>	<i>No. Pelan</i>	<i>Luas Kawasan Lebih Kurang</i>
Kampung Kiambor	Kuala Penyu	18200172	918200014	0.48 hektar

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 13 November 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM.PHB. 600-4/1/439/(16)]

LAND ORDINANCE

Cap. 68

DECLARATION OF NATIVE RESERVE
FOR NATIVE BURIAL GROUND OF KAMPUNG KIAMBOR
DISTRICT OF KUALA PENYU
UNDER SECTION 78

In exercise of the powers conferred upon him by subsections 78(1), (2) and (3) of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has declared the State Land described in the Schedule hereto to be a Native Reserve to be known as Native Burial Ground of Kampung Kiambor, Kuala Penyu (hereinafter referred to as 'The Native Reserve') for the sole use of the Native of Kampung Kiambor, subject to the following terms:

- (1) No Native who is not habitually resident in Kampung Kiambor shall bury any corpse within the Native Reserve unless he shall have previously obtained permission in writing to do so from the Trustees;
- (2) The District Chief of Kuala Penyu, The Village Head of Kampung Kiambor and Kampung Kiambor Village Security and Development Committee's Chairman are hereby appointed as Trustees for the Native Reserve subject to the directions of the Assistant Collector of Land Revenue, Kuala Penyu;
- (3) The Trustees shall fence or cause to be fenced the boundaries of the Native Reserve and thereafter maintain such fence to the satisfaction of the Assistant Collector of Land Revenue, Kuala Penyu;
- (4) The Trustees shall determine that the distance between the graves and the river bank must not be less than 30 feet apart for rocky land and must not be less than 100 feet apart for sandy or soft land; and
- (5) Any person aggrieved by any act or omission by the Trustees or the Assistant Collector of Land Revenue, Kuala Penyu or to both, may apply for a review thereof to the Secretary of Natural Resources whose decision shall be final.

SCHEDULE

<i>Locality</i>	<i>District</i>	<i>Description Survey Lot No.</i>	<i>Plan No.</i>	<i>Approximate Area</i>
Kampung Kiambor	Kuala Penyu	18200172	918200014	0.48 hectare

Dated at Kota Kinabalu, this 13th day of November, 2018.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah

REPEATED NOTIFICATIONS

No. 344

[No. JKM. PHB. 600-4/1/427/(14)]

ORDINAN TANAH

Bab 68

PENGISYTIHARAN TANAH RIZAB UNTUK
TAPAK PEJABAT DAN PERUMAHAN KAKITANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN AM DI PEKAN TELUPID
DAERAH LABUK SUGUT
DI BAWAH SEKSYEN 28

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 28(1) Ordinan Bab 68 Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah merizabkan kawasan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual bersamaan dengan ini yang mana pada pendapatnya adalah dikehendaki bagi maksud awam, iaitu Tanah Rizab untuk Tapak Pejabat dan Perumahan Kakitangan, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am di Pekan Telupid, Labuk Sugut.

JADUAL

<i>Tempat</i>	<i>Daerah</i>	<i>Perihal No. Lot Ukur</i>	<i>No. Pelan</i>	<i>Kawasan Lebih Kurang</i>
Pekan Telupid	Labuk Sugut	08200071	908100013	1.380 hektar (3.409 ekar)

No. Pelan 908100013 yang menunjukkan kawasan lebih kurang 1.380 hektar (3.409 ekar) yang ditandakan dengan warna hijau adalah disimpan di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 12 November 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

REPEATED NOTIFICATIONS - (cont.)

[No. JKM. PHB. 600-4/1/427/(14)]

LAND ORDINANCE

Cap. 68

DECLARATION OF LAND RESERVE FOR
SABAH SOCIAL WELFARE DEPARTMENT
OFFICE AND STAFF HOUSING SITE AT TELUPID TOWN
DISTRICT OF LABUK SUGUT
UNDER SECTION 28

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 28(1) of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has reserved the State Land described in the Schedule Cap. 68 hereto which in his opinion is required for a public purpose, that is to say, Land Reserve for Sabah Social Welfare Department's Office and Staff Housing Site at Telupid Town, Labuk Sugut.

SCHEDULE

<i>Locality</i>	<i>District</i>	<i>Description Survey Lot No.</i>	<i>Plan No.</i>	<i>Approximate Area</i>
Telupid Town	Labuk Sugut	08200071	908100013	1.380 hectares (3.409 acres)

Plan No. 908100013 showing an area of approximately 1.380 hectares (3.409 acres) delineated in green colour is deposited in the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu.

Dated at Kota Kinabalu, this 12th day of November, 2018.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah

No. 345

[No. JKM. PHB. 600-4/1/436/(14)]

ORDINAN TANAH

Bab 68

PENGISYTIHARAN TANAH RIZAB UNTUK
TAPAK TANAH LAPANG DI INANAM KAPITAL
DAERAH KOTA KINABALU
DI BAWAH SEKSYEN 28

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 28(1) Ordinan Bab 68 Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah merizabkan kawasan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual bersamaan dengan ini yang mana pada pendapatnya adalah dikehendaki bagi maksud awam, iaitu Tanah Rizab untuk Tapak Tanah Lapang di Inanam Kapital, Kota Kinabalu.

JADUAL

<i>Tempat</i>	<i>Daerah</i>	<i>Perihal No. Lot Ukur</i>	<i>No. Pelan</i>	<i>Kawasan Lebih Kurang</i>
Inanam Kapital	Kota Kinabalu	01201021	901100013	0.039 hektar

No. Pelan 901100013 yang menunjukkan kawasan lebih kurang 0.039 hektar yang ditandakan dengan warna hijau adalah disimpan di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 12 November 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

REPEATED NOTIFICATIONS - (cont.)

[No. JKM. PHB. 600-4/1/436/(14)]

LAND ORDINANCE

Cap. 68

DECLARATION OF LAND RESERVE FOR
OPEN SPACE SITE AT INANAM CAPITAL
DISTRICT OF KOTA KINABALU
UNDER SECTION 28

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 28(1) of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has reserved the State Land described in the Schedule Cap. 68 hereto which in his opinion is required for a public purpose, that is to say, Land Reserve for Open Space Site at Inanam Capital, Kota Kinabalu.

SCHEDULE

<i>Locality</i>	<i>District</i>	<i>Description Survey Lot No.</i>	<i>Plan No.</i>	<i>Approximate Area</i>
Inanam Capital	Kota Kinabalu	01201021	901100013	0.039 hectare

Plan No. 901100013 showing an area of approximately 0.039 hectare delineated in green colour is deposited in the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu.

Dated at Kota Kinabalu, this 12th day of November, 2018.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah

No. 346

[No. JKM. PHB. 600-4/1/441/(10)]

ORDINAN TANAH

Bab 68

PENGISYTIHARAN TANAH RIZAB UNTUK
TAPAK PENDIDIKAN (S.R.K LANAS) DI KAMPUNG LANAS
DAERAH KENINGAU
DI BAWAH SEKSYEN 28

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 28(1) Ordinan Bab 68 Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah merizabkan kawasan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual bersamaan dengan ini yang mana pada pendapatnya adalah dikehendaki bagi maksud awam, iaitu Tanah Rizab untuk Tapak Pendidikan (S.R.K. Lanas) di Kampung Lanas, Keningau.

JADUAL

<i>Tempat</i>	<i>Daerah</i>	<i>Perihal No. Lot Ukur</i>	<i>No. Pelan</i>	<i>Kawasan Lebih Kurang</i>
Kampung Lanas	Keningau	13200237	913100008	1.228 hektar (3.03 ekar)

No. Pelan 913100008 yang menunjukkan kawasan lebih kurang 1.228 hektar (3.03 ekar) yang ditandakan dengan warna hijau adalah disimpan di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 12 November 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

REPEATED NOTIFICATIONS - (cont.)

[No. JKM. PHB. 600-4/1/441/(10)]

LAND ORDINANCE

Cap. 68

DECLARATION OF LAND RESERVE FOR
EDUCATIONAL SITE (S.R.K LANAS) AT KAMPUNG LANAS
DISTRICT OF KENINGAU
UNDER SECTION 28

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 28(1) of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has reserved the State Land described in the Schedule Cap. 68 hereto which in his opinion is required for a public purpose, that is to say, Land Reserve for Educational Site (S.R.K Lanas) at Kampung Lanas, Keningau.

SCHEDULE

<i>Locality</i>	<i>District</i>	<i>Description Survey Lot No.</i>	<i>Plan No.</i>	<i>Approximate Area</i>
Kampung Lanas	Keningau	13200237	913100008	1.228 hectares (3.03 acres)

Plan No. 913100008 showing an area of approximately 1.228 hectares (3.03 acres) delineated in green colour is deposited in the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu.

Dated at Kota Kinabalu, this 12th day of November, 2018.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah

No. 347

[No. JKM. PHB. 600-4/1/442/(14)]

ORDINAN TANAH

Bab 68

PENGISYTIHARAN TANAH RIZAB UNTUK
TAPAK BANGUNAN PEJABAT DAERAH BEAUFORT
DAERAH BEAUFORT
DI BAWAH SEKSYEN 28

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 28(1) Ordinan Bab 68 Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah merizabkan kawasan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual bersamaan dengan ini yang mana pada pendapatnya adalah dikehendaki bagi maksud awam, iaitu Tanah Rizab untuk Tapak Bangunan Pejabat Daerah Beaufort, Beaufort.

JADUAL

<i>Tempat</i>	<i>Daerah</i>	<i>Perihal No. Lot Ukur</i>	<i>No. Pelan</i>	<i>Kawasan Lebih Kurang</i>
Pekan Beaufort	Beaufort	17200990	917100025	0.616 hektar

No. Pelan 917100025 yang menunjukkan kawasan lebih kurang 0.616 hektar yang ditandakan dengan warna hijau adalah disimpan di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 12 November 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

REPEATED NOTIFICATIONS - (cont.)

[No. JKM. PHB. 600-4/1/442/(14)]

LAND ORDINANCE

Cap. 68

DECLARATION OF LAND RESERVE FOR
OFFICE BUILDING SITE OF BEAUFORT DISTRICT
DISTRICT OF BEAUFORT
UNDER SECTION 28

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 28(1) of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has reserved the State Land described in the Schedule Cap. 68 hereto which in his opinion is required for a public purpose, that is to say, Land Reserve for Office Building Site Beaufort District, Beaufort.

SCHEDULE

<i>Locality</i>	<i>District</i>	<i>Description Survey Lot No.</i>	<i>Plan No.</i>	<i>Approximate Area</i>
Beaufort Township	Beaufort	17200990	917100025	0.616 hectare

Plan No. 917100025 showing an area of approximately 0.616 hectares delineated in green colour is deposited in the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu.

Dated at Kota Kinabalu, this 12th day of November, 2018.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah

No. 348

[No. JKM. PHB. 600-4/1/443/(14)]

ORDINAN TANAH

Bab 68

PENGISYTIHARAN TANAH RIZAB UNTUK
TAPAK DEWAN MASYARAKAT DI PEKAN KUALA PENYU
DAERAH KUALA PENYU
DI BAWAH SEKSYEN 28

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 28(1) Ordinan Bab 68 Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah merizabkan kawasan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual bersamaan dengan ini yang mana pada pendapatnya adalah dikehendaki bagi maksud awam, iaitu Tanah Rizab untuk Tapak Dewan Masyarakat, Kuala Penyu.

JADUAL

<i>Tempat</i>	<i>Daerah</i>	<i>Perihal No. Lot Ukur</i>	<i>No. Pelan</i>	<i>Kawasan Lebih Kurang</i>
Pekan Kuala Penyu	Kuala Penyu	18200064	918100011	0.385 hektar

No. Pelan 918100011 yang menunjukkan kawasan lebih kurang 0.385 hektar yang ditandakan dengan warna hijau adalah disimpan di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 12 November 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

REPEATED NOTIFICATIONS - (cont.)

[No. JKM. PHB. 600-4/1/443/(14)]

LAND ORDINANCE

Cap. 68

DECLARATION OF LAND RESERVE FOR
COMMUNITY HALL SITE AT KUALA PENYU TOWNSHIP
DISTRICT OF KUALA PENYU
UNDER SECTION 28

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 28(1) of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has reserved the State Land described in the Schedule Cap. 68 hereto which in his opinion is required for a public purpose, that is to say, Land Reserve for Community Hall Site, Kuala Penyu.

SCHEDULE

<i>Locality</i>	<i>District</i>	<i>Description Survey Lot No.</i>	<i>Plan No.</i>	<i>Approximate Area</i>
Kuala Penyu Township	Kuala Penyu	18200064	918100011	0.385 hectare

Plan No. 918100011 showing an area of approximately 0.385 hectare delineated in green colour is deposited in the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu.

Dated at Kota Kinabalu, this 12th day of November, 2018.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah

No. 349

[No. JKM. PHB. 600-4/1/444/(10)]

ORDINAN TANAH

Bab 68

PENGISYTIHARAN TANAH RIZAB UNTUK
TAPAK RUMAH KAKITANGAN JABATAN TANAH DAN UKUR DI JALAN SILAM
DAERAH LAHAD DATU
DI BAWAH SEKSYEN 28

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 28(1) Ordinan Bab 68 Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah merizabkan kawasan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual bersamaan dengan ini yang mana pada pendapatnya adalah dikehendaki bagi maksud awam, iaitu Tanah Rizab untuk Tapak Rumah Kakitangan Jabatan Tanah dan Ukur di Jalan Silam, Lahad Datu.

JADUAL

<i>Tempat</i>	<i>Daerah</i>	<i>Perihal No. Lot Ukur</i>	<i>No. Pelan</i>	<i>Kawasan Lebih Kurang</i>
Jalan Silam	Lahad Datu	11200302	911100012	0.685 hektar

No. Pelan 911100012 yang menunjukkan kawasan lebih kurang 0.685 hektar yang ditandakan dengan warna hijau adalah disimpan di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 12 November 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

REPEATED NOTIFICATIONS - (cont.)

[No. JKM. PHB. 600-4/1/444/(10)]

LAND ORDINANCE

Cap. 68

DECLARATION OF LAND RESERVE FOR
LANDS AND SURVEYS DEPARTMENT STAFF QUARTERS SITE AT SILAM ROAD
DISTRICT OF LAHAD DATU
UNDER SECTION 28

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 28(1) of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has reserved the State Land described in the Schedule Cap. 68 hereto which in his opinion is required for a public purpose, that is to say, Land Reserve for Lands and Surveys Department Site at Silam Road, Lahad Datu.

SCHEDULE

<i>Locality</i>	<i>District</i>	<i>Description Survey Lot No.</i>	<i>Plan No.</i>	<i>Approximate Area</i>
Silam Road	Lahad Datu	11200302	911100012	0.685 hectare

Plan No. 911100012 showing an area of approximately 0.685 hectare delineated in green colour is deposited in the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu.

Dated at Kota Kinabalu, this 12th day of November, 2018.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah

No. 350

[No. JKM.PHB. 600-4/1/438/(16)]

ORDINAN TANAH

Bab 68

PENGISYTIHARAN RIZAB ANAK NEGERI UNTUK
TAPAK KEDIAMAN ANAK NEGERI KAMPUNG KOGOPON
DAERAH PAPAR
DI BAWAH SEKSYEN 78

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 78(1), (2) dan (3)
Bab 68 Ordinan Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah mengisytiharkan Tanah Kerajaan
yang diperihalkan di dalam Jadual bersamaan dengan ini sebagai Rizab Anak Negeri
yang dikenali sebagai Kediaman Anak Negeri Kampung Kogopon, Papar (kemudian
daripada ini disebut sebagai “Rizab Anak Negeri”) untuk kegunaan sepenuhnya oleh Anak
Negeri Kampung Kogopon bagi maksud kediaman tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (1) Rizab Anak Negeri ini adalah untuk kegunaan sepenuhnya oleh Anak Negeri Kampung Kogopon untuk pembinaan rumah kediaman dan bangunan tambahan yang lain;
- (2) Penduduk kampung itu adalah dibenarkan untuk menjalankan adat resam industri kampung, memelihara ayam, binatang ternakan dan berkebun tanaman kontan di dalam kawasan Rizab Anak Negeri itu;
- (3) Ketua Daerah Papar, Ketua Anak Negeri Papar dan Ketua Kampung Kogopon adalah dengan ini dilantik sebagai Pemegang Amanah Rizab Anak Negeri itu tertakluk kepada arahan Penolong Pemungut Hasil Tanah, Papar;
- (4) Pemegang Amanah hendaklah memagar atau menyebabkan supaya dipagar sempadan Rizab Anak Negeri dan kemudian memelihara pagar tersebut dengan cara yang memuaskan hati Penolong Pemungut Hasil Tanah, Papar;
- (5) Tiada seorang pun Anak Negeri yang bukan pada lazimnya bermastautin di Kampung Kogopon dibenarkan mendirikan dan membina sebarang bangunan di dalam Rizab Anak Negeri tersebut tanpa keizinan bertulis daripada Pemegang Amanah; dan
- (6) Seseorang yang terkilan oleh apa-apa tindakan atau apa-apa peninggalan oleh Pemegang Amanah atau Penolong Pemungut Hasil Tanah, Papar atau kedua-duanya, boleh memohon kajian semula baginya kepada Setiausaha Hasil Bumi yang keputusannya adalah muktamad.

REPEATED NOTIFICATIONS - (cont.)

JADUAL

<i>Tempat</i>	<i>Daerah</i>	<i>Perihal No. Lot Ukur</i>	<i>No. Pelan</i>	<i>Luas Kawasan Lebih Kurang</i>
Kampung Kogopon	Papar	02200120	902200003	64.426 hektar (159.20 ekar)

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 12 November 2018.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM.PHB. 600-4/1/438/(16)]

LAND ORDINANCE

Cap. 68

DECLARATION OF NATIVE RESERVE
FOR KAMPUNG KOGOPON NATIVE RESIDENTIAL SITE
DISTRICT OF PAPAR
UNDER SECTION 78

In exercise of the powers conferred upon him by subsections 78(1), (2) and (3) of the Cap. 68 Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has declared the State Land described in the Schedule hereto to be a Native Reserve to be known as Kampung Kogopon Native Residential Site, Papar (hereinafter referred to as 'The Native Reserves') for the sole use of the Natives of Kampung Kogopon subject to the following terms:

- (1) The Native Reserve is for the sole use of the Natives of Kampung Kogopon for the construction of dwelling houses and other ancillary buildings;
- (2) The residents of the Kampung Kogopon may be permitted to practise traditional kampung industries, rearing of fowls, domestic animals and cash crop farming within the Native Reserve;
- (3) The District Chief of Papar, the Native Chief of Papar and the Village Head of Kampung Kogopon are hereby appointed as Trustees for the Native Reserve subject to the directions of the Assistant Collector of Land Revenue, Papar;
- (4) The Trustees shall fence or cause to be fenced the boundaries of the Native Reserve and thereafter maintain such fence to the satisfaction of the Assistant Collector of Land Revenue, Papar;
- (5) No Native who is not habitually resident in Kampung Kogopon shall be permitted to erect and construct any building within the Native Reserve without the written consent of the Trustees; and

- (6) Any person aggrieved by any act or omission by the Trustees or the Assistant Collector of Land Revenue, Papar or to both, may apply for a review thereof to the Secretary of Natural Resources whose decision shall be final.

SCHEDULE

<i>Locality</i>	<i>District</i>	<i>Description Survey Lot No.</i>	<i>Plan No.</i>	<i>Approximate Area</i>
Kampung Kogopon	Papar	02200120	902200003	64.426 hectare(s) (159.20 acre(s))

Dated at Kota Kinabalu, this 12th day of November, 2018.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah

Kadar langganan berikut bagi Warta Kerajaan Negeri Sabah yang berkuat kuasa mulai daripada 1 Januari 2018 adalah diterbitkan untuk makluman Umum:

KADAR LANGGANAN UNTUK TAHUN 2018

Warta Kerajaan termasuk tambahan-tambahan:- (Tidak termasuk Tambahan Tanda Perdagangan)

	RM
Langganan Tahunan di dalam Malaysia	120.00
Langganan Tahunan di luar Malaysia	180.00
Tambahan Tanda Perdagangan (untuk satu keluaran)	2.40
Sesuatu naskhah <i>Warta Kerajaan</i> , Tambahan-tambahan, Rang Undang-undang, Laporan Dewan Undangan Negeri, Pekeliling dan lain-lain.	
Tidak lebih daripada 8 muka	1.80
Tidak lebih 9 hingga 16 muka	2.40
Tidak lebih 17 hingga 32 muka	3.00
Tidak lebih 33 hingga 48 muka	3.60
Tidak lebih 49 hingga 64 muka	4.20
Tidak lebih 65 hingga 96 muka	5.40
Lebih daripada 96 muka	7.20
	dan tambah RM1.20 untuk setiap 32 muka yang lebih.

Senaskhah Tahunan Tambahan Pertama dan Kedua serta
indeks 2017 (dijilid dengan Kulit Keras) RM 42.00

Kadar-kadar di atas adalah termasuk belanja Pos biasa (mel laut).

Pengiriman Wang hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Kota Kinabalu, Sabah. Cek dan Wang Pos hendaklah dibuat pembayarannya kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, dan dipalang “& Co”.

Untuk Makluman

- (1) Pelanggan bagi Warta Kerajaan Negeri dan terbitan-terbitan Kerajaan lain seperti Laporan Tahunan, Laporan Jabatan dan sebagainya hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Km. 4, Jalan Tuaran, Beg Berkunci 2004, 88554 Kota Kinabalu.**
- (2) Pelanggan-pelanggan yang hendak mendapatkan Warta Kerajaan Persekutuan hendaklah memohon terus kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur.**